

BH 29/10/2008

# Keindahan Desaru terancam

## Kegiatan korek pasir secara haram didakwa punca 'kehilangan' pesisiran pantai

Oleh Abdul Razak Raaff

**K**OTA TINGGI: Pusat pelancongan Desaru di sini yang terkenal dengan keindahan pantai menghadap Laut China Selatan di kalangan pelancong asing kini didakwa diancam kegiatan mengorek pasir laut secara haram.

Difahamkan, sebahagian besar pasir yang meliputi pesisiran pantai Desaru kini 'hilang' berikutan kerja mengorek pasir secara agresif di dasar laut berhampiran pantai berkenaan.

Kegiatan itu yang dipercayai sudah dilakukan sejak beberapa tahun lalu menyebabkan pantai yang sering menjadi kunjungan pelancong tempatan dan luar negara semakin sempit kesan daripada pergerakan pantas pasir yang ditolak semula ke laut.

Ramai pengunjung tetap di beberapa hotel menyedari perubahan fizikal dan topografi di pesisiran pantai Desaru, sejak kebelakangan ini.

Pengurus Besar Hotel Desaru Golden Beach, Kol (B) Mohd Jamal Salleh, turut menyedari mengenai kejadian hakisan pantai yang berlaku secara mendadak di kawasan pantai berhampiran hotel itu.

Namun, beliau menjelaskan, sukar untuk mengaitkan kejadian itu dengan kegiatan mengorek pasir laut seperti didakwa penduduk dan nelayan tempatan.

"Saya sudah membawa perkara ini dalam mesyuarat Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Johor dan berharap pihak berkuasa memberi perhatian mengenainya," katanya di sini.

Sementara itu, Penyelidik Biodiversiti tempatan, Vincent Chow yang sering mengunjungi pantai Desaru sejak 25 tahun lalu, berkata berdasarkan pemantauannya mendapati pantai di situ semakin sempit kerana pasirnya seperti disedut ke dalam laut.

Beliau yakin kejadian itu disebabkan pergerakan pasir daripada pantai ke laut ketika air pasang besar selain pembentukan lubang agak besar di dasar laut sama ada secara semula jadi atau buatan manusia.

Katanya, berdasarkan kajian tem-



**SEMAKIN SERIUS:** Seorang penduduk menunjukkan kawasan Pantai Desaru yang didakwa terjejas akibat kegiatan mencuri pasir secara haram.

**“** Kerja mengorek pasir menyebabkan air laut keruh akibat mendapan lumpur kerana kegiatan penolakan pasir daripada pantai ke laut”

**Dr Azhar Hussin**  
Pakar Geologi UM

patan menunjukkan hakisan pesisiran pantai itu berlaku secara bermusim ketika monsun timur laut.

"Bagaimanapun, ia diimbangi dengan mendapan yang berlaku ketika monsun barat daya dan musim pertukaran monsun," katanya.

Seorang penduduk tempatan yang enggan dikenali mendakwa ada bot besar berlabuh di laut di depan pantai itu setiap malam.

Malah, katanya, bunyi bising seperti jentera mesin boleh didengar daripada kapal berkenaan yang dipercayai digunakan bagi mengorek pasir laut.

Pakar Geologi dari Universiti Ma-

laya (UM), Dr Azhar Hussin, berkata tiada tanda berlakunya hakisan pantai apabila air laut jernih ketika melakukan tinjauan udara di kawasan pantai Desaru pada Mei dan Julai tahun lalu.

"Kerja mengorek pasir akan menyebabkan air laut keruh akibat mendapan lumpur kerana kegiatan penolakan pasir daripada pantai ke laut. Kita mungkin boleh membuat kesimpulan bahawa kerja mengorek pasir laut boleh dikatakan hanya berlaku sejak kebelakangan ini.

"Pengorekan pasir laut juga akan menyebabkan dasar laut tidak stabil dan pasir di pesisiran pantai menjadi

seperti pasir jerlus dan ini akan membahayakan pengunjung yang berenang di kawasan berkenaan," katanya.

Sementara itu, Pemangku Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Johor, Chong Chee Han, berkata pihaknya tidak mengetahui kejadian mengorek pasir laut di kawasan berkenaan.

Namun, katanya, jabatan itu akan melakukan siasatan terhadap hakisan di pantai Desaru.

Difahamkan, pasir laut yang dikorek secara haram itu dipercayai dieksport ke Singapura menerusi Batam, Indonesia.

BERITA MINGGI